

Kerajaan tekad terus bangunkan kawasan perumahan rakyat daif

Kepentingan semua kaum dipertahankan, nasib golongan B40 dan M40 akan dibela

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Ampang: Kerajaan MADANI terus dengan tekad meneruskan usaha membangunkan kawasan perumahan daif yang dihuni rakyat, khususnya golongan miskin di negara ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata pada masa sama, kerajaan akan terus mempertahankan kepentingan semua kaum terutama membela nasib golongan B40 dan M40 yang memerlukan rumah lebih selesa untuk didiami.

Beliau juga mencadangkan supaya wakil rakyat turun padang dan melawat sendiri kediaman daif diduduki rakyat berbanding bercakap secara teori.

“Orang yang bercakap ni kadang-kadang tak pernah tengok orang duduk di satu flat yang ada hanya satu bilik, ada enam orang anak, ada yang kadang-kadang dua keluarga (duduk) di situ.

“Dia tak fikir, hanya cakap teori sahaja. Wakil rakyat mesti turun dan tengok sendiri (keadaan rumah daif di bandar),” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Pembukaan Lebuhraya

ya Lembah Klang Timur (EKVE) Seksyen Satu Persimpangan Bertingkat Sungai Long- Persimpangan Bertingkat Ampang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar berkata walaupun RUU Pembangunan Semula Bandar (URA) 2025 dibantah khususnya dalam kalangan Ahli Parlimen pembangkang, kerajaan tidak sekali akan tunduk terhadap tekanan diberikan.

“(Mengenai) URA, kalau dengar penjelasan menteri semalam (kelmarin), ia (menyebut) soal demografi. Soal Cina nak ambil hak orang Melayu, itu semua hampas, tak benar.

“Kita akan pertahan kepentingan semua kaum, pembangunan terutama bagi golongan menengah M40 dan B40 di beberapa kawasan,” katanya.

Kelmarin, RUU URA 2025 ditangguhkan selepas bacaan kali kedua di Dewan Rakyat bagi proses penambahbaikan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dilaporkan akan melakukan pindaan terhadap RUU URA 2025 termasuk berhubung nilai ambang persetujuan untuk menyertai projek pembaharuan semula bandar.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata sebagai contoh tambah baik, kerajaan bersetuju menyeragamkan nilai ambang persetujuan untuk menyertai projek pema-



Anwar bersama Amirudin dan Alexander pada majlis Perasmian Pembukaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) Seksyen Satu Persimpangan Bertingkat Sungai Long-Persimpangan Bertingkat Ampang, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

ngunan semula bandar kepada 80 peratus.

“Jadi mesti ada usaha bangun kawasan dan bantu rakyat miskin peroleh rumah yang agak selesa,” katanya.

Pembinaan jalan disegerakan

Sementara itu, Perdana Menteri mahu projek pembinaan jalan raya khususnya di Lembah Klang disegerakan walaupun ia menelan kos tinggi.

Beliau berkata, langkah itu disifatkan mendesak mengambil kira kesesakan luar biasa membatikan jalan raya utama di ibu negara perlu ditangani sebaiknya.

“Ia melegakan apabila projek (Lebuhraya Lembah Klang Ti-

mur atau EKVE) dapat diselesaikan. Hari ini (semalam) kita lihat ada kejayaan walaupun ia tertangguh, kita juga lihat ada kemajuannya selepas beberapa masalah dihadapi.

“Ini penting kerana Kuala Lumpur umumnya terlalu tertekan dengan kesesakan luar biasa. Saya sendiri melaluinya ketika dalam perjalanan dari Mesyuarat Jemaah Menteri ke Masjid Kinrara, Puchong tadi (semalam), memang sesak luar biasa.

“Maknanya projek (jalan raya) itu harus disegerakan mengikut jadual (ditetapkan) walaupun menelan kos yang tinggi,” katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh keperluan untuk Ke-

menterian Kerja Raya melakukan pemantauan lebih teliti supaya syarikat yang diberi tanggungjawab menjalankan projek berkaitan pembangunan lebuhraya dapat menyiapkannya dalam tempoh ditetapkan.

“Berbalik soal kerja raya, saya ucap terima kasih kepada Menteri Kerja Raya dan KSU (Ketua Setiausaha) yang dapat memantau dan memastikan projek berjalan dengan baik mengikut jadual dan turut melakukan pengawasan supaya mutu projek itu memenuhi matlamat asal.

“Jadi kita bukan sahaja nak cepat (projek siap), tetapi mutu pembangunan juga sangat penting,” katanya.